



KENYATAAN MEDIA

KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BERKENAAN

MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN
PELAJAR PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ TAHUN 2019/1440

BERTEMPAT DI DEWAN MUKTAMAR
DARUL QURAN JAKIM
PADA 13 APRIL 2019

Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Pelajar adalah merupakan program kedua terbesar bagi pelajar-pelajar Darul Quran selepas Majlis Istiadat Konvokesyen.

2. Pada tahun ini, seramai **135 orang pelajar** dari **tiga program pengajian** iaitu Pensijilan Tahfiz Al-Quran **JAKIM-IIUM**, Pensijilan Tahfiz Al-Quran **JAKIM-UNITEN** dan Pensijilan Tahfiz Al-Quran **JAKIM-CUCMS** (Cyberjaya University College of Medical Sciences) telah diraikan dalam majlis ini. Pecahan pelajar adalah seperti berikut:

- i. Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM = 108 orang pelajar.
- ii. Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN = 24 orang pelajar.
- iii. Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-CUCMS = 3 orang pelajar.

3. 135 orang pelajar ini bukan semata-mata telah berjaya menghafaz 30 juzu' al-Quran tetapi telah lulus dalam semua peperiksaan Hifz Al-Quran bermula dari Semester Satu.

4. Program Pensijilan Tahfiz ini merupakan kategori **Tahfiz Sains** dalam **Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN)**.

5. Dalam menjalankan Program Pensijilan Tahfiz ini, sehingga kini, Darul Quran telah berkolaborasi dengan **lima buah institusi pengajian** iaitu:

- *International Islamic University Malaysia (IIUM)*,
- *Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)*,
- *Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS)*,

- Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM); dan
- Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam.

6. Graduan Program Tahfiz Sains atau Program Pensijilan Tahfiz Darul Quran JAKIM sehingga tahun 2018 berjumlah **1,790 orang**. Pecahannya seperti berikut:

- 1,600 orang huffaz profesional bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM;
- 181 orang huffaz profesional bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN; dan
- 9 orang huffaz profesional bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-CUCMS.

7. Syabas dan tahniah diucapkan kepada kesemua pelajar yang diraikan pada hari ini.

Sekian

DATUK MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM

13 April 2019